

## Masalah Pergaulan Bebas dalam Kalangan Remaja Sekolah

Nur Najwa Solehah Binti Hasan Ashaari<sup>1</sup>, Siti Norhafiza Binti Sumadi<sup>1</sup>, Nur Aqilah Binti Salleh<sup>1</sup>, Naziera Izzaty Binti Ismail<sup>1</sup>, Nurul Ain Hayati Binti Adenan<sup>1</sup>, Mohd Razimi Bin Husin<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup> Faculty of Human Development, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.

### Article History

**Received:**  
20.04.2019

**Revised:**  
20.05.2019

**Accepted:**  
14.06.2019

### \*Corresponding Author:

Mohd Razimi Husin  
**Email:**  
razimi@fpm.upsi.edu.my

**Abstrak:** Pergaulan bebas merupakan salah satu penyakit yang melanda umat pada masa kini. Pada zaman pasca modenisasi ini, pergaulan bebas tidak lagi menjadi kudis kepada pandangan masyarakat. Selain itu, masalah pergaulan bebas ini sering menular kerana kurangnya didikan agama. Remaja bergaul bebas tanpa mengira jantina menyebabkan generasi muda yang melihatnya terpengaruh serta memberi impak negative. Oleh kerana itu, perlu dilakukan kajian mengenai masalah pergaulan bebas dalam kalangan remaja sekolah. Metodologi kajian meliputi cara, kaedah dan pendekatan yang digunakan untuk mencapai objektif dan matlamat kajian. Kesimpulan kajian ini iaitu golongan dikenali sebagai remaja ini merupakan seseorang yang berada dalam lingkungan umur 12 hingga 21 tahun yang sedang berada di dalam fasa peralihan dimana berlakunya perubahan menuju kematangan. Masalah pergaulan bebas boleh dibendung jika semua pihak termasuk agensi kerajaan atau bukan kerajaan bersama-sama berganding bahu membanteras masalah ini. Pihak utama yang perlu mengesan perkara ini ialah ibu bapa, sekolah, dan lingkungan masyarakat.

**Kata Kunci:** Pelajar, Promiscuity, Remaja Sekolah.

### Problems of Promiscuity in School Adolescents

**Abstract:** Promiscuity is one of the most prevalent diseases in the world today. In this post-modernization era, free socializing is no longer a staple in society's views. In addition, this problem of free socializing is often contagious due to the lack of religious education. Adolescents get along regardless of gender, and the young people who see them are influenced and negatively impacted. Therefore, there is a need to study the problem of free socializing among school-aged adolescents. The study methodology covers the methods, methods and approaches used to achieve the objectives and objectives of the study. The conclusion of this study is that people known as adolescents are between the ages of 12 and 21 who are in the transition phase of the transition to adulthood. The problem of free socializing can be avoided if all parties including government or non-government agencies work together to combat this problem. The key stakeholders in this area are parents, schools, and the community.

**Keyword:** Student, Promiscuity, School Adolescents.



## 1. Pendahuluan

Pergaulan bebas merupakan salah satu penyakit yang melanda umat pada masa kini. Pada zaman pasca modenisasi ini pergaulan bebas tidak lagi menjadi kudis kepada pandangan masyarakat. Pergaulan bebas menjadi trend pada masa kini dan tidak mustahil akan ada individu muslim yang tidak menyedari bahawa dia telah masuk dalam kategori ini. Dilihat dari segi katanya, dapat ditafsirkan apakah maksud dari istilah pergaulan bebas. Pergaulan ertinya proses bergaul, manakala bebas ertinya terlepas dari ikatan. Jadi pergaulan bebas ertinya proses bergaul dengan orang lain terlepas dari ikatan yang mengatur pergaulan.

Dalam membicarakan persoalan berkaitan dengan permasalahan pergaulan bebas dalam kalangan remaja, adalah sangat penting bagi kita untuk memahami siapakah golongan remaja ini sebenarnya. Para pemimpin negara ini sering menyatakan bahawa golongan remaja merupakan aset penting dalam menjamin perkembangan dan pembangunan negara di masa depan. Menurut World Health Organization (WHO) remaja adalah mereka yang berada pada tahap transisi antara zaman kanak-kanak dan dewasa yang berusia di antara 12 hingga 24 tahun.

Walaupun bagaimanapun, dalam melalui fasa ini Hall [1] mengatakan remaja akan melalui satu zaman yang penuh dengan gelora. Remaja akan melalui peringkat *storm and stress* iaitu masa yang penuh kekeliruan, kesedihan, dan konflik. Pada peringkat ini, remaja mula mencari identiti dan mula membina konsep sendiri. Oleh itu, kajian Sharif et al. [2] menyarankan agar para ibu-bapa, orang dewasa, pendidik, dan semua masyarakat perlu mengambil perhatian terhadap perkembangan remaja serta mengikuti perkembangan mereka untuk membantu membimbing mereka daripada terjebak dengan gejala sosial negatif yang akan membentuk remaja yang tidak produktif.

Masalah pergaulan bebas di kalangan remaja sekolah telah lama dibincangkan dan menjadi salah satu isu sosial penting di negara ini. Pelbagai pihak di setiap lapisan masyarakat memandang isu ini sebagai satu masalah yang perlu ditangani secara holistik kerana remaja merupakan generasi yang akan mewarisi negara. Jika kita tidak dapat melahirkan generasi akan datang yang beribadat maka pincanglah masa depan negara yang kita cintai ini. Daripada perspektif ibu bapa dan guru pula, masalah pergaulan bebas di kalangan remaja mencerminkan kegagalan untuk melahirkan anak-anak remaja yang bakal menyumbang kepada agama, bangsa dan negara. Namun begitu, hasil kajian-kajian yang telah dijalankan oleh para penyelidik serta pemerhatian masyarakat sendiri mendapati cabaran dalam menangani masalah ini perlu ditangani bersama oleh semua peringkat, bukannya tertumpu kepada mana-mana individu atau agensi.

Masalah pergaulan bebas dalam kalangan remaja semakin merunsingkan demikian kerana kebanyakan remaja masa kini dipengaruhi oleh rakan sebaya, kurang didikan agama dan budaya barat yang semakin menular. Situasi seperti ini terjadi disebabkan beberapa faktor serta mengakibatkan pelbagai impak negatif kepada generasi muda. Terdapat beberapa faktor yang menjadi penyebab masalah pergaulan bebas dalam kalangan anak muda. Salah satunya ialah terpengaruh daripada cerita Hollywood yang tidak sesuai ditonton oleh remaja bawah umur 18 tahun. Kebanyakan cerita yang ditayangkan mamaparkan aksi-aksi yang kurang sopan antara lelaki dan perempuan. Keadaan seperti inilah yang menyebabkan remaja yang menonton tayangan ini akan terpengaruh dan ingin mencubanya dengan rakan yang berlainan jantina.

Selain itu, masalah pergaulan bebas ini sering menular kerana kurangnya didikan agama. Remaja bergaul bebas tanpa mengira jantina, menyebabkan generasi muda yang melihatnya terpengaruh serta memberi impak negative. Kebanyakan remaja yang bermasalah dari segi pegangan agama biasanya tidak yakin dengan adanya hukuman Tuhan. Mereka akan menyalahkan Tuhan apabila ditimpa sesuatu kesusahan dan akan keluar mencari jalan penyelesaian sendiri. Agama boleh dijadikan pegangan moral dalam diri remaja agar dapat berfikir sebelum melakukan sesuatu yang tidak bermoral.

Oleh itu, pihak berkenaan haruslah memainkan peranan masing-masing, sebagai contoh ibu bapa haruslah sentiasa mengawasi anak-anak serta tidak mengongkong mereka agar anak-anak tidak memberontak. Ibu bapa haruslah bersahabat dengan anak-anak serta menjadi pendengar yang setia kepada anak agar mereka tidak terasa disisihkan. Melalui kaedah ini juga, ibu bapa akan dapat mendalami hati anak-anak dan mengetahui setiap masalah mereka seterusnya mampu mengelakkan anak-anak terjebak dengan masalah pergaulan bebas.

Pihak kerajaan dan media massa juga harus sedar akan peranan mereka dalam mengatasi masalah ini. Pihak berkenaan haruslah peka dengan penayangan setiap drama atau filem dengan cara menapis

terlebih dahulu cerita yang hendak ditayangkan agar tidak akan memberi impak kepada penonton terutama golongan muda supaya masalah pergaulan bebas ini akan dapat diatasi sedikit demi sedikit.

Oleh itu, masalah pergaulan bebas dalam kalangan remaja ini masih boleh diatasi. Walaupun masalah pergaulan bebas ini berpunca daripada beberapa faktor sekeliling, namun ianya masih boleh diatasi dengan syarat semua pihak bekerjasama bagi mencari langkah terbaik megatasinya. Golongan remaja juga harus sedar akan keburukan gejala ini dan harus megelakkan diri dari terjerumus dengan budaya tidak sihat ini. Maka, semua pihak harus memainkan peranan masing-masing dan bukannya menunding jari kepada orang lain.

## 2. Sorotan Kajian

Pergaulan bebas dilihat sebagai satu perlakuan manusia yang terkeluar dari batas-batas normal dan diterima umum, baik dari aspek agama, sosial serta budaya kehidupan masyarakat. Pada peringkat umur remaja amat mudah terpengaruh dengan alam persekitaran dan suasana. Kehidupan yang berwajah glamor sering menjadi inspirasi remaja. Oleh itu, mereka cenderung untuk mencuba melakukan sesuatu yang baru dan mudah untuk terpengaruh dengan hiburan dan keseronokan atas dorongan oleh nafsu.

Punca utama remaja kita terjebak dengan kes-kes ini ialah kerana mereka telah terjebak dengan masalah pergaulan bebas sejak dari muda lagi. Melalui kajian-kajian lepas, dikenal pasti golongan terbesar yang terjerumus di dalam gejala yang tidak sihat ini, ialah golongan remaja. Golongan ini ialah satu golongan yang dianggap masih mentah, punya akar yang masih belum tunjang dan masih mencari-cari arah matlamat yang boleh dijadikan pedoman dan panduan di dalam membina jati diri. Usaha untuk menangani permasalahan ini, kita tidak boleh lari dari perlu mengenal-pasti punca-punca dan faktor-faktor penyumbang kepada tompok-tompok hitam yang tidak menguntungkan mana-mana pihak lebih-lebih lagi tidak menguntungkan dari segi pembangunan negara.

Lazimnya, kita sebagai manusia mempunyai sifat ingin tahu terhadap perkara baru, yakni bukan dari budaya ketimuran. Tidak mustahil kita akan jatuh terpengaruh dan mengikut arah aliran kebaratan terutama sekali golongan belia. Pada peringkat remaja, seseorang individu mengalami perubahan yang amat pesat dari segi fizikal dan rohani. Remaja juga akan belajar banyak perkara yang tidak semuanya datang dari ibu bapa tetapi kebanyakannya daripada persekitaran sosial yang mana ia membesar. Pada tempoh-tempoh inilah para remaja mula mengubah tingkah laku, sikap, dan nilai, malahan seluruh cara hidup daripada alam kanak-kanak kepada alam yang lebih matang dan dewasa [3]. Pada tahap ini remaja mempunyai beberapa sifat seperti suka pergaulan dengan rakan-rakan berbanding ibu bapa, suka berangan-angan dan senang terpengaruh oleh emosi. Pengawasan yang sesuai seharusnya diberikan kepada para pelajar dan remaja. Tanpa pengawasan yang betul, remaja dan pelajar ini juga mungkin terjebak dengan gejala sosial ini.

### 2.1. Kajian Berkaitan Pergaulan Bebas

Kini terdapat berbagai-bagai kajian yang cuba untuk mencari punca wujud gejala sosial kalangan masyarakat kini. Faktor yang pernah dikemukakan ialah seperti pengaruh ibu bapa dan rakan sebaya, pengaruh internet, tahap didikan agama dan masa lapang individu. Faktor-faktor ini mempunyai perkaitan dengan kehidupan seseorang individu, sebagai contohnya ibu bapa dan rakan sebaya banyak memberikan pengaruh dalam membentuk sahsiah seseorang itu.

Selvaratnam et al. [4] mendapati kekurangan di dalam perhubungan dengan ibu bapa telah memberikan kesan kepada jiwa remaja anak-anak. Tambahan pula adanya harapan dan matlamat atau peraturan ibu bapa yang dirasakan bertentangan dengan nilai remaja menyebabkan mereka mula memberontak dan mencari kelompok yang dirasakan sesuai dengan jiwa mereka dan akhirnya terjebak dengan pergaulan bebas.

Dapatan kajian Mohammad et al. [5] menunjukkan rakan sebaya merupakan faktor yang sangat mempengaruhi pelajar terlibat dengan pergaulan bebas. Ini dapat dilihat apabila terdapat beberapa orang remaja mengakui bahawa, mereka terlibat dengan masalah ini akibat dorongan dari rakan sebaya yang kebanyakan juga terlibat secara langsung dengan masalah pergaulan bebas.

Analisis yang dilakukan oleh Sharif et al. [2] mendapati faktor utama remaja terlibat dalam masalah sosial adalah disebabkan oleh keinginan mencuba sesuatu yang baru yang tidak pernah mereka lakukan. Analisis daripada kajian tersebut juga menunjukkan aspek ini mempunyai peratusan yang agak tinggi jika dibandingkan dengan aspek-aspek yang lain. Hal ini kerana pada usia remaja, mereka mengalami perubahan dari segi peningkatan usia, pemikiran dan keadaan sekeliling. Ketika

melalui proses-proses perkembangan pada keadaan sekeliling, akan wujud perkara-perkara yang tidak pernah mereka lihat atau alami. Oleh itu, remaja akan mempunyai keinginan untuk mencuba perkara-perkara yang tidak pernah mereka alaminya.

Kajian KKPM [6] mendapati bahawa remaja antara 13-17 tahun yang pernah terlibat dengan seks terlarang ini, 11.3 peratus yang didapati mengandung. Kehamilan ini menyebabkan kelahiran sebanyak 60.8%, mati dalam kandungan (8.5%), digugurkan (31.1%), keguguran (24.1%). Data ini menunjukkan bahawa remaja perempuan paling terkesan kepada keburukan seks terlarang berbanding lelaki kerana berlakunya kehamilan tersebut [7]. Anak tersebut pula menjadi beban kepada remaja yang hamil bukan sahaja ketika mengandung anak luar nikah tersebut bahkan setelah kelahiran anak tersebut. Kerosakan sistem reproduktif remaja ini dengan sebab menggugurkan anak juga boleh menyebabkan masa depan remaja tersebut musnah [8].

Institusi kekeluargaan merupakan tunjang dalam pembentukan sahsiah dalam diri seseorang remaja. Keluarga merupakan pihak yang banyak mempengaruhi sikap, tutur kata, dan personaliti seseorang itu. Kebanyakan perilaku seseorang itu adalah wujud daripada latihan dan tingkah laku yang biasa dirumah mereka. Contoh-contoh terladan dan nilai-nilai murni seharusnya di tunjukan oleh orang tua di dalam rumah agar nilai-nilai ini dapat diterapkan dari rumah lagi.

Peringkat remaja merupakan peringkat dimana pelajar lebih cenderung untuk bersosial dan berkawan. Peringkat ini remaja lebih banyak menghabiskan masa bersama dengan rakan sebaya berbanding dengan keluarga mereka. Perkembangan sosial banyak berlaku dalam peringkat ini dan perhatian daripada pihak tertentu adalah amat penting. Perkembangan sosial yang baik datang daripada pemilihan rakan yang bijak dan akan membentuk pelajar yang lebih baik. Masalah sosial di kalangan pelajar adalah banyak berkait rapat dengan faktor hubungan antara rakan sebaya dengan pelajar. Ini kerana kebanyakan kes yang diketahui bahawa rakan sebaya merupakan pengaruh untuk mereka terjebak dalam gejala sosial. Selain daripada itu, pelajar lebih mudah untuk menggunakan rakan sebaya dalam mengisi kasih sayang yang kurang diberikan oleh ibu bapa. Keperluan untuk disayangi menyebabkan individu risau ditinggalkan dan sanggup melakukan apa sahaja untuk mendapatkan kasih sayang [9]. Adanya rakan sebagai tempat pengganti tentunya pelajar akan lebih mudah terpengaruh dengan rakan sebaya berbanding dengan mengikut ajaran yang telah diberikan oleh ibu bapa.

## 2.2. Teori yang Berkaitan Pergaulan Bebas

Teori yang boleh dikaitkan dengan isu masalah pergaulan bebas yang berlaku di kalangan remaja pada masa kini ialah teori perkembangan kognitif Vygotsky. Menurut Vygotsky [10], remaja belajar melalui konteks sosial dengan keluarga, rakan sebaya dan sekolah. Menurut Vygotsky [10], perkembangan intelek terbahagi kepada 2 iaitu perkembangan sosiobudaya dan pemikiran. Kebanyakan kemahiran kognitif kanak-kanak terhasil daripada interaksi sosial mereka dengan orang sekeliling mereka. Ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam perkembangan peribadi kanak-kanak bermula dari rumah.

Vygotsky [10] menyatakan bahawa suatu maklumat atau ilmu yang diperoleh oleh individu melalui interaksi dengan ibu bapa, guru, keluarga dan rakan sebaya. Guru adalah model pembelajaran dan menjadi panduan utama untuk membentuk strategi ke arah intelektualan yang tinggi kepada kanak-kanak di sekolah. Di sini dapat kita membuat satu kesimpulan bahawa, perkembangan remaja perlu dititikberatkan seawal usia mereka kanak-kanak lagi kerana akan memberi kesan dan impak terhadap tumbesaran mereka apabila mereka menginjak dewasa kelak. Ibu bapa, guru-guru dan rakan sebaya memainkan peranan yang amat penting dalam proses tumbesaran seseorang individu ke arah modal insan yang lebih baik di masa yang akan datang.

Erikson [11] juga mengkaji masalah pergaulan bebas remaja di sekolah. Pada tahap kelima iaitu identiti lawan kekeliruan peranan. Tahap ini merupakan tahap akhir remaja iaitu remaja telah memasuki sekolah menengah. Pada tahap ini, remaja akan cuba untuk mewujudkan identiti diri remaja dan persepsi sendiri terhadap dunia mereka. Tahap ini juga merupakan tahap yang paling penting kerana remaja akan mengalami krisis keremajaan. Sebagai contoh, remaja akan berusaha untuk mencari identiti. Jika mereka gagal mencari personaliti mereka sendiri, masalah pergaulan bebas akan terjadi.

Teori seterusnya yang boleh dikaitkan dengan pergaulan bebas antara remaja di sekolah ialah teori pembelajaran sosial oleh Bandura [12]. Teori pembelajaran sosial yang dikemukakan oleh Bandura telah memberi penekanan tentang bagaimana perilaku manusia dipengaruhi oleh persekitaran melalui

peneguhan dan pembelajaran peniruan dan cara berfikir yang kita miliki terhadap sesuatu maklumat dan juga sebaliknya, iaitu bagaimana tingkah laku kita mempengaruhi persekitaran dan menghasilkan peneguhan.

### **3. Metodologi Kajian**

Bahagian ini menjelaskan cara yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan hasil kajian. Metodologi kajian adalah meliputi cara, kaedah dan pendekatan yang digunakan untuk mencapai objektif dan matlamat kajian. Segala perancangan telah diatur dengan baik untuk memastikan pengkaji mendapat maklumat dan data-data yang lengkap melalui kaedah-kaedah tertentu. Dalam bab ini pengkaji membincangkan secara terperinci berkenaan reka bentuk kajian, instrumen kajian serta metodologi yang digunakan dalam kajian ini.

#### **3.1. Reka Bentuk Kajian**

Kaedah kajian yang digunakan adalah kaedah deskriptif iaitu kajian berbentuk tinjauan yang diolah untuk mendapatkan maklum balas mengenai faktor, kesan dan cara menangani masalah pergaulan bebas. Kajian tinjauan ini dilakukan berdasarkan kaedah yang digunakan oleh pengkaji seperti kaedah temu bual dan kaedah rujukan.

#### **3.2. Instrumen Kajian**

Instrumen kajian ialah apa-apa alat, atau cara atau apa-apa kaedah untuk memperolehi dan mengumpul data kajian. Pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif untuk mendapatkan data. Bagi kaedah kuantitatif penyelidikan tinjauan adalah untuk mengumpul maklumat dengan bertanya satu set soalan kepada satu sampel individu yang dipilih dari satu populasi yang hendak dikaji. Bagi kaedah kualitatif pula pengkaji menggunakan temu bual untuk mendapatkan data.

#### **3.3. Temu Bual**

Berdasarkan kaedah temu bual, kita dapat memperolehi maklumat berkaitan latar belakang, ciri-ciri serta maklumat-maklumat lain yang diperlukan. Pengkaji telah menemu bual seorang guru untuk mendapatkan maklumat tentang masalah pergaulan bebas. Pengkaji juga telah menyediakan 10 soalan untuk menemu bual responden. Temu bual bersemuka berkemungkinan adalah kaedah pengumpulan data yang lebih mahal kerana ia mengambil masa yang lama, serta dapat meluangkan masa untuk beramah mesra dengan responden.

#### **3.4. Kaedah Rujukan**

Bagi melengkapkan kajian, pengkaji juga menggunakan pelbagai sumber seperti rujukan buku, blog dan internet untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan kajian pengkaji. Kaedah ini dapat membantu pengkaji untuk melengkapkan lagi kajian tentang masalah pergaulan bebas.

### **4. Dapatan Kajian**

Dalam melalui fasa remaja Hall [1] mengatakan remaja akan melalui satu zaman yang penuh dengan gelora. Remaja akan melalui peringkat *storm and stress* iaitu masa yang penuh kekeliruan, kesedihan dan konflik. Pada peringkat ini juga, remaja mula mencari identiti dan mula membina konsep sendiri. Oleh itu, kajian Sharif et al. [2] menyarankan agar para ibu-bapa, orang dewasa, pendidik dan semua masyarakat perlu mengambil perhatian terhadap perkembangan remaja untuk membantu membimbing mereka daripada terjebak dengan gejala sosial negatif yang akan membentuk remaja yang tidak produktif. Berikut adalah transkripsi temu bual dengan guru:

Transkripsi temu bual bersama cikgu Muhammad Hazwan Hafiz Bin Muhammad Nasir.

**(Nur Najwa Solehah Binti Hasan Ashaari) D20181083443**

**Najwa:** “Assalamualaikum dan salam sejahtera, saya Nur Najwa Solehah Binti Hasan Ashaari. Bersama saya hari ini adalah seorang guru bagi membincangkan masalah disiplin pelajar di sekolah.

Ok terlebih dahulu saya minta cikgu perkenalkan diri nama, umur, tahap pendidikan dan pengalaman mengajar.”

**Cikgu:** “Ok nama saya Muhammad Hazwan Hafiz Bin Muhammad Nasir. Umur sekarang 25 tahun, tahap pendidikan ijazah sarjana muda pendidikan sains sukan dan sekarang ijazah sarjana dalam bidang sains sukan la. Tahun mengajar saya baru tahun pertama.”

**Najwa:** “Senyum (angguk) ooo, baru tahun pertama. Ok saya akan bertanya beberapa soalan kepada cikgu ok soalan pertama, sepanjang bergelar pendidik apakah kes-kes disiplin yang pernah cikgu hadapi?”

**Cikgu:** “Ok di sekolah ni, kes disiplinnya yang selalu berlaku macam merokok, kes pelajar ponteng, kes pelajar bergaduh la. Tu antara perkara yang selalu berlaku kat sekolah.”

**Najwa:** “Seperti apa yang disebut oleh cikgu tadi sebenarnya banyak masalah disiplin yang berlaku di sekolah tetapi saya lebih berminat untuk mengetahui lebih mendalam berkenaan masalah pergaulan bebas di kalangan pelajar di sekolah. Jadi soalan saya adakah sering berlaku masalah pergaulan bebas antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan di sekolah.”

**Cikgu:** “Ok seperti yang kita tahu, dekat sekolah dalam satu kelas akan bercampur antara lelaki dan perempuan. Tak banyak sekolah yang asingkan lelaki dan perempuan. Jadi pergaulan bebas memang berlaku, tapi benda itu atas kesedaran guru atau pelajar itu sendiri sama ada untuk mengawal benda tu, untuk mengelak benda yang tak diinginkan berlaku lah.”

#### **(Siti Norhafiza Binti Sumadi) D20181083444**

**Norhafiza:** “Ok assalamualaikum, nama saya Siti Norhafiza, saya nak tanya, dalam kenyataan cikgu tadi pergaulan bebas ni sememangnya menjurus kepada sekolah. Jadi pada pendapat cikgu, lingkungan umur berapa pelajar yang sering terjebak dengan pergaulan bebas ni?”

**Cikgu:** “Ok, pada pendapat saya, kebanyakan kes yang berlaku di sekolah ni, berlaku dalam kalangan pelajar di tingkatan 3,4 dan 5. Seperti yang kita tahu, dalam lingkungan umur ni, pelajar ni dia mempunyai semangat ingin tahu dan ingin mencuba yang sangat tinggi.”

**Norhafiza:** “Ok seperti mana yang kita tahu, rakan sebaya di merupakan seseorang yang rapat dengan kita, jadi adakah rakan sebaya di merupakan faktor utama terjadinya pergaulan bebas?”

**Cikgu:** “Ok rakan sebaya, rakan sebaya ni memainkan peranan yang sangat penting dalam diri seseorang pelajar. Bila kita lihat, seseorang pelajar tu, lebih banyak menghabiskan masa dia bersama rakan sebaya dia. Sebagai contoh, pagi-pagi lagi dia dah ke sekolah sampai petang, seharian dia bersama dengan rakan-rakan di sekolah, jadi rakan sebaya mempunyai pengaruh yang sangat besar dalam diri seseorang pelajar tersebut.”

#### **(Nur Aqilah Binti Salleh) D20181083440**

**Aqilah:** “Nama saya nur Aqilah Binti Salleh. Ok cikgu, seperti yang kita sedia maklum, bahawa banyak masalah disiplin yang berlaku selain daripada pengaruh rakan sebaya juga berpunca daripada masalah keluarga itu. Dalam konteks masalah pergaulan bebas ini, adakah faktor ibu bapa atau masalah keluarga mempengaruhi pergaulan bebas ini. Apakah pandangan cikgu mengenai hal ini?”

**Cikgu:** “Faktor ibu bapa boleh dijadikan salah satu faktor. Kerana kebanyakan pelajar yang bermasalah ni bila kita tengok balik latar belakang keluarga pasti ada masalah seperti yang ibu bapa

bercerai, gaduh, ataupun sama ada ibu bapa tidak duduk sekali dengan anak anak. Sebagai contohnya, anak dibiarkan duduk bersama dengan datuk dan nenek. Tapi selain daripada faktor tersebut, faktor-faktor lain juga perlu ditengok jugak la. Itu boleh menjadi salah satu faktor.”

**Aqilah:** “Apakah kesan pergaulan bebas ini kepada pelajar?”

**Cikgu:** “Apabila dia terlalu bebas dalam bergaul, pelajar ini akan mengamalkan sikap yang terlalu terbuka, yang mana apabila dia bersikap begitu, dia berisiko besar akan terjerumus ke masalah jenayah pulak selepas itu yang lebih serius seperti kes pembuangan bayi dan sebagainya lah, akhirnya menjadikan pelajar tersebut individu yang tidak mempunyai keyakinan diri untuk meneruskan hidup dan seterusnya perkara tersebut boleh menyumbang pula kepada kes-kes besar yang lain seperti kes bunuh diri dan sebagainya.”

**(Nurul Ain Hayati Binti Adenan) D20181083470**

**Hayati:** “Saya Nurul Ain Hayati. Ok pada pendapat cikgu sendiri, adakah pergaulan bebas mengganggu pembelajaran pelajar?”

**Cikgu:** “Pada pendapat saya, pergaulan bebas ini boleh mengganggu pembelajaran pelajar kerana tumpuan dan fokus pelajar akan terganggu. Selain itu masa pembelajaran pelajar akan terganggu kerana pelajar yang terlibat dengan masalah ini perlu diberi khidmat kaunseling dan sebagainya. Jadi disitu kita dah boleh nampak yang bukan sahaja pergaulan bebas, masalah disiplin lain juga akan mengganggu pembelajaran pelajar.”

**Hayati:** “Adakah matapelajaran yang diajar seperti sivik mampu untuk memberi kesedaran kepada pelajar?”

**Cikgu:** “Melalui opsyen yang saya mengajar di sekolah, iaitu pendidikan jasmani pendidikan kesihatan dan pendidikan sivik, subjek ni sangat menitikberatkan soal pergaulan antara lelaki dan perempuan dan melalui subjek ini juga ada menerapkan kesedaran diri dan harga diri seseorang individu tersebut. Namun seperti yang saya katakan tadi, semuanya berbalik pada diri pelajar itu sendiri sama ada mahu menerima atau tidak pembelajaran yang diajar oleh guru di sekolah.”

**(Naziera Izatty Binti Ismail) D20181083442**

**Naziera:** “Ok. Assalamualaikum WBT. Nama saya Naziera Izatty. Ok soalan pertama yang saya nak tanya, apakah tindakan yang boleh diambil oleh pihak sekolah untuk atasi masalah ini?”

**Cikgu:** “Ok untuk atasi masalah macam ini, pihak sekolah banyak menganjurkan program program di peringkat sekolah contohnya program motivasi dalam membentuk sahsiah diri pelajar, jadi benda tu untuk membentuk pelajar punya jati diri supaya dapat menjaga kehormatan diri dan menjaga pergaulanlah. Dari segi hukuman kepada pelajar yang melakukan pergaulan bebas ataupun masalah disiplin ni, pihak sekolah hanya boleh memberikan hukuman seperti gantung persekolahan, konsultasi bersama ibu bapa, rotan dan seterusnya memberikan khidmat kaunseling.”

**Naziera:** “Ok soalan terakhir yang saya nak tanya, apakah strategi yang efektif yang mampu membendung masalah pergaulan bebas ni daripada berleluasa?”

**Cikgu:** “Ok. Strategi daripada pihak pelajar itu sendiri semuanya bermula daripada rumahlah bermula daripada didikan ibu bapa dan seterusnya pemilihan rakan rakan sebaya. Tapi semua tu pun bergantung kepada diri pelajar tersebut sendiri sama ada diadapat memilih jalan yang betul dia tak akan terpesong dengan masalah-masalah disiplin di sekolah.”

**Naziera:** “Ok cikgu. terima kasih kerana sudi luangkan masa dan bagi kerjasama dengan kumpulan kami untuk siapkan tugas pembelajaran dan perkembangan pelajar ini. Sekian terima kasih.”

**Cikgu:** “(Senyum dan angguk). Ok sama-sama.”

#### **4.1. Faktor Masalah Pergaulan Bebas**

Hasil temu bual bersama responden, beliau berpendapat faktor utama remaja terlibat dengan masalah pergaulan bebas ialah diri remaja itu sendiri yang berkeinginan mencuba sesuatu perkara yang baru tanpa memikirkan kesan baik atau buruk yang akan mereka hadapi. Hal ini senada dengan analisis yang dilakukan oleh Sharif et al. [2] yang mendapati faktor utama remaja terlibat dalam masalah sosial adalah disebabkan oleh keinginan mencuba sesuatu yang baru yang tidak pernah mereka lakukan. Analisis daripada kajian tersebut juga menunjukkan aspek ini mempunyai peratusan yang agak tinggi jika dibandingkan dengan aspek-aspek yang lain. Hal ini kerana pada usia remaja, mereka mengalami perubahan dari segi peningkatan usia, pemikiran dan keadaan sekeliling. ketika melalui proses-proses perkembangan pada keadaan sekeliling, akan wujud perkara-perkara yang tidak pernah mereka lihat atau alami. Oleh itu remaja akan mempunyai keinginan untuk mencuba perkara-perkara yang tidak pernah mereka alaminya. Justeru itu, apa-apa sahaja perkara baru yang terjadi di sekeliling mereka akan mendorong wujudnya perasaan ingin tahu di dalam diri mereka, keadaan ini membuatkan mereka terdorong untuk mencuba dan melakukan perkara-perkara tersebut.

Ibu bapa merupakan peneraju terpenting dalam sesebuah sistem keluarga. Kualiti pembangunan dan kesejahteraan hidup golongan remaja amat dipengaruhi oleh kualiti persekitaran di mana mereka dibesarkan. Pada masa yang sama, responden juga ada menyebut bahawa peningkatan taraf hidup telah memaksa ibu bapa keluar bekerja bagi menampung kos perbelanjaan yang tinggi. Ketiadaan ibu-bapa di rumah kerana keluar bekerja telah menjadikan remaja ini bebas daripada pengawasan. Natijahnya, hal ini telah memberi impak terhadap kemerosotan taraf sosial keluarga apabila berlaku pengabaian terhadap anak-anak yang dibiarkan bebas tanpa perhatian dan pengawasan yang sewajarnya daripada ibu bapa. Perubahan peranan ibu dan kesibukan mereka keluar bekerja mencari nafkah untuk menyara keluarga telah memberi kesan kepada institusi kekeluargaan secara keseluruhannya. Perubahan gaya hidup ini juga telah menjadikan hubungan ibu bapa dan anak-anak kurang mesra dan berlaku pengabaian kepada anak-anak. Kesibukan terhadap pekerjaan ini menyebabkan semakin ramai ibu bapa yang kurang menyedari fungsi mereka sebagai ibu-bapa dan gagal untuk memberi pengawasan moral kepada anak-anak.

Pendapat yang diutarakan oleh guru tersebut disokong lagi oleh kajian yang dijalankan oleh Selvaratnam et al. [4] mendapati kekurangan di dalam perhubungan dengan ibu bapa telah memberikan kesan kepada jiwa remaja anak-anak. Tambahan pula adanya harapan dan matlamat atau peraturan ibu-bapa yang dirasakan bertentangan dengan nilai remaja menyebabkan mereka mula memberontak dan mencari kelompok yang dirasakan sesuai dengan jiwa mereka dan akhirnya terjebak dengan pergaulan bebas.

Selaras dengan itu, pemilihan rakan sebaya sangat penting dalam mencorakkan jati diri seorang pelajar. Hal ini ditegaskan oleh responden yang juga berpendapat rakan sebaya mempunyai pengaruh yang besar ke atas remaja itu sendiri. Beliau juga berpendapat remaja yang tidak mendapat perhatian dari rumah terutamanya daripada ibu bapa akan mencari rakan sebaya yang boleh memenuhi ego dan keperluan tersebut. Hal ini kerana, rakan sebaya yang juga terlibat dalam masalah sosial sering berjaya mempengaruhi rakan yang lain kerana usia yang hampir sama membolehkan kepercayaan diperolehi dengan mudah. Rakan sebaya yang berkongsi masalah yang sama menyebabkan remaja merasakan rakan adalah orang yang paling memahami dirinya dan mengetahui jalan penyelesaian terbaik, sedangkan tidak semuanya berkeadaan begitu.

Dapatan kajian Mohammad et al. [5] menunjukkan rakan sebaya merupakan faktor yang sangat mempengaruhi pelajar terlibat dengan pergaulan bebas. Ini dapat dilihat apabila terdapat beberapa orang remaja mengakui bahawa, mereka terlibat dengan masalah ini akibat dorongan dari rakan sebaya yang kebanyakan mereka juga terlibat secara langsung dengan masalah pergaulan bebas. Salah satu sumber yang mempunyai pengaruh yang kuat ke atas sikap dan nilai seksual golongan muda adalah pengaruh rakan sebaya. Seseorang yang mempunyai rakan sebaya yang terlibat dengan pergaulan bebas, mereka juga lebih cenderung terlibat dalam masalah pergaulan bebas ini. Dalam



kajian ini juga mendapati bahawa, pandangan dan pegangan yang dipegang oleh remaja dan rakan-rakannya juga adalah salah dan merupakan pegangan yang songsang dalam masyarakat. Perkara negatif seperti pergaulan bebas ini sudah menjadi satu perkara yang biasa bagi mereka dan itu amat bertentangan dengan norma dan nilai dalam masyarakat yang menolak perkara itu.

#### **4.2. Kesan Pergaulan Bebas**

Hasil daripada temu bual yang dijalankan, responden ada menyatakan kesan yang paling utama dapat dilihat apabila berlakunya pergaulan bebas ini terutamanya kepada remaja di sekolah ialah akan menyebabkan proses pembelajaran mereka terganggu. Hal ini kerana tumpuan dan fokus mereka tidak lagi terarah kepada pelajaran semata-mata apabila berada di dalam kelas. Penumpuan dan fokus pelajar di dalam kelas cukup penting bagi mengelakkan prestasi akademik pelajar merosot serta terjejas sehingga menimbulkan perasaan tidak seronok apabila berada di sekolah untuk belajar. Tingkah laku bermasalah di dalam bilik darjah akan menyebabkan banyak masa P&P terluang di sebabkan perkara yang amat kecil sahaja. Menurut hasil penyelidikan melaporkan bahawa ada sesetengah guru menghabiskan sebanyak 30 hingga 80 peratus masa pengajaran dan pembelajaran untuk menangani masalah disiplin. Contohnya pelajar yang suka berkumpul dan bersembang sebelum guru masuk mereka akan bersembang sehingga memakan masa sedalam lima minit atau lebih masa pembelajaran, dalam tempoh tersebut guru akan mengarahkan pelajar agar berada di tempat duduk masing-masing. Sebaliknya jika mereka segera bersurai sebaik sahaja guru masuk guru tersebut boleh memulakan proses pengajaran dan pembelajaran dengan segera.

Pada masa yang sama, pergaulan di antara lelaki dan perempuan yang tidak terkawal akan mendatangkan banyak kesan buruk kepada masyarakat. Contoh yang jelas dapat dilihat dalam masyarakat barat yang rata-rata mengamalkan pergaulan bebas. Sungguhpun dari aspek kebendaan mereka agak terkehadapan, namun dari aspek kerohanian dan akhlak mereka jauh ketinggalan di belakang. Menurut responden juga, remaja yang terlibat dalam pergaulan bebas ini dibimbangi kerana sikap yang terlalu terbuka yang menjerumuskan mereka dalam menjalinkan hubungan di luar tabii yang menyebabkan remaja perempuan mengandung sebelum berkahwin. Dalam situasi tersebut, remaja yang hilang pegangan agama akan menjadi tidak berperikemanusiaan lalu meninggalkan anak yang baru dilahirkan di tempat-tempat seperti tandas awam, tong sampah, tepi longkang dan sebagainya. Kajian KKPM [6] mendapati bahawa remaja antara 13-17 tahun yang pernah terlibat dengan seks terlarang ini, 11.3 peratus yang didapati mengandung. Kehamilan ini menyebabkan kelahiran sebanyak 60.8%, mati dalam kandungan (8.5%), digugurkan (31.1%), keguguran (24.1%). Data ini menunjukkan bahawa remaja perempuan paling terkesan kepada keburukan seks terlarang berbanding lelaki dengan kerana berlakunya kehamilan tersebut [7]. Anak tersebut pula menjadi beban kepada remaja yang hamil bukan sahaja ketika mengandung anak luar nikah tersebut bahkan setelah kelahiran anak tersebut. Kerosakan sistem reproduktif remaja ini dengan sebab menggugurkan anak juga boleh menyebabkan masa depan remaja tersebut musnah [8].

#### **4.3. Langkah-Langkah Mengatasi Pergaulan Bebas**

Memandangkan masalah ini semakin menular di kalangan remaja, langkah-langkah yang produktif perlu diambil untuk menyelesaikan masalah pergaulan bebas ini. Aspek ini memerlukan kerjasama yang padu di antara remaja sendiri, keluarga, sekolah, masyarakat serta pentadbiran negara, itulah antara kata-kata yang diungkapkan oleh responden apabila ditanya berkenaan dengan langkah-langkah untuk mengatasi masalah pergaulan bebas. Seperti yang diketahui, dunia tanpa sempadan pada hari ini menyebabkan semua maklumat yang tidak ditapis mampu sampai kepada pengetahuan remaja. Nilai etika, moral, budaya serta ideologi perlu ditapis sendiri oleh remaja sedangkan pengetahuan mereka adalah terbatas dan kemahuan untuk meneroka perkara-perkara baru adalah sangat tinggi. Oleh yang demikian, kawalan terhadap maklumat yang boleh diakses oleh remaja amat perlu. Sebagai ibubapa dan guru, peranan sebagai individu yang terdekat dengan remaja perlu digunakan sebaik mungkin untuk menerapkan kesedaran kepada remaja untuk menjauhi portal-portal media yang memberi pengaruh negatif kepada fikiran dan emosi. Responden turut menyatakan ibu bapa haruslah mengambil berat tentang pergaulan anak-anak mereka dan rakan-rakan anak harus dikenali dengan lebih mendalam. Ibu bapa perlu mengawasi perilaku anak-anak kerana peribahasa Melayu ada menyebut, "kalau tiada angin masakan pokok akan bergoyang". Setiap perbuatan yang dilakukan oleh anak-anak pasti ada puncanya yang menyebabkan mereka bertindak sedemikian.

Sehubungan dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk sentiasa mengikuti perkembangan diri anak-anak remaja mereka.

Pada peringkat remaja, perkembangan fisiologi, emosi dan seksual adalah seiring dan secara tidak langsung menyebabkan wujud perasaan ingin berpasangan. Namun begitu, perlu difahami oleh remaja bahawa pada usia ini tumpuan diperlukan untuk pelajaran bagi memastikan peluang yang lebih baik di masa hadapan. Sebagai individu yang masih muda, remaja tidak mampu untuk melakukan pelbagai perkara besar dalam satu-satu masa. Sebagai contoh, mempunyai teman wanita atau teman lelaki akan menyebabkan pemikiran remaja banyak tertumpu kepada hubungan tersebut, sekaligus mengurangkan tumpuan kepada pelajaran. Selain itu, dibimbangi juga hubungan tersebut sampai ke peringkat yang melampaui batas pergaulan seperti hubungan seks luar nikah serta mengandung. Oleh yang demikian, responden berpendapat para remaja perlu mengelakkan diri mereka daripada mempunyai pasangan sebelum mereka benar-benar bersedia untuk menempuhi alam rumahtangga.

Pada masa yang sama, pihak sekolah juga berperanan memberi pendedahan tentang masalah pergaulan bebas dalam kalangan remaja supaya mereka sedar akan kesan yang negatif akan menimpa jika terlibat dalam masalah ini. Menurut Hashim [13] dalam artikel yang bertajuk Masalah Sosial Di Kalangan Remaja: Punca Dan Penyelesaian, antara langkah penyelesaian yang boleh diambil dalam mengekang penularan masalah gejala sosial ini ialah memperkasakan peranan pihak sekolah terutama dari aspek akademik. Ini boleh dilakukan dengan menambahkan aktiviti-aktiviti berteraskan akademik dan separa akademik seperti kegiatan ko-kurikulum di sekolah. Begitu juga dengan perubahan-perubahan teknik-teknik pengajaran seperti penggunaan komputer, video, bantuan alat pandang dengar dan teknik pengajaran luar kelas. Malah menurut beliau lagi, pihak sekolah juga perlu mewujudkan sistem perundangan di sekolah.

Hasil temu bual bersama responden, beliau menyebut bahawa peruntukan undang-undang di peringkat sekolah boleh menimbulkan rasa takut di kalangan pelajar sekolah, di samping mengurangkan beban dan tanggungjawab pihak sekolah dan pihak ibu bapa dalam pengawasan disiplin. Penguatkuasaan Undang-Undang oleh pihak berkuasa seperti polis. Bidang kuasa polis yang sedia ada perlu digunakan oleh pihak pentadbir sekolah dalam mendisiplinkan pelajar-pelajar. Pihak pentadbir hendaklah mengambil kesempatan dengan merujuk masalah pelajar ini kepada pihak polis. Selain langkah perundangan, langkah-langkah pencegahan yang bersesuaian hendaklah diadakan seperti kaunseling di peringkat sekolah. Kaunseling di peringkat sekolah adalah penting dalam membantu remaja mengatasi masalah mereka. Program ini akan lebih bermakna sekiranya kaunselorkaunselor yang berkelayakan dan berpengalaman dilantik dalam memantapkan pelaksanaan dan keberkesanan kaunseling tersebut. Kewujudan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) juga perlu diperkasakan dengan memainkan peranan yang penting. Pertemuan yang lebih kerap antara ibu bapa, penjaga dan guru perlu diadakan khasnya bagi pelajar-pelajar yang bermasalah. Ibu bapa seharusnya menerima tegurandaripada guru dengan sikap terbuka dan positif. PIBG janganlah jadi umpama "Kucing tak bergigi, Tikus lompat tinggi-tinggi".

Selaras dengan itu, melalui temu bual yang pengkaji lakukan, pengkaji mendapati media massa juga berperanan dalam membendung masalah pergaulan bebas dalam kalangan remaja. Media massa merupakan satu mekanisme yang mempunyai pengaruh yang amat besar dan berkesan di dalam pembentukan keperibadian manusia. Ia merupakan agen sosialisasi dan memainkan peranan penting di dalam menanam dan menggalakkan amalan-amalan berakhlak di dalam masyarakat. Media massa mampu mencorakkan hati budi, mentaliti dan sahsiah umat khasnya yang beroperasi 24 jam. Media massa tersebut perlu bebas dari cengkaman faham sekularisme, budaya komersial yang melampau, faham kebendaan dan dorongan untuk hidup secara mewah dan berpoya-poya. Media massa hendaklah mempunyai asas falsafah dan dasar-dasar komunikasi yang selaras dengan nilai-nilai akhlak Islam.

Para petugas media massa hendaklah meningkatkan rasa akauntabiliti, tanggungjawab dan kewajipan mereka untuk memihak dan menegakkan nilai-nilai luhur seperti kebenaran, kejujuran dan sebagainya. Para pengguna media massa terutama golongan yang bertanggungjawab seperti ibubapa, guru, pemimpin politik dan pentadbir hendaklah lebih bijaksana dalam mengarah, membimbing, meningkatkan rasionaliti, kematangan dan kewaspadaan serta keupayaan memilih siaran yang lebih bermanfaat untuk ditonton oleh anak-anak atau orang-orang yang di bawah jagaan mereka. Media massa juga sebenarnya boleh menjadi wahana cultural domination dan imperialisme melalui berbagai saluran teknologi maklumat yang canggih seperti internet, multimedia dan sebagainya.

Pihak kerajaan juga boleh memainkan peranan yang penting dalam menangani permasalahan remaja. Hal ini kerana pihak kerajaan mempunyai autoriti dalam negara kerana mempunyai kuasa sumber kewangan dan boleh menggubal undang-undang. Beberapa program untuk remaja perlu dirangka dan dilaksanakan secara berterusan agar nilai-nilai murni dapat diamalkan oleh golongan remaja. Bagi remaja yang melanggar undang-undang negara, tindakan tegas hendaklah diambil oleh pihak kerajaan bagi membendung perlakuan negatif tersebut. Pada masa yang sama, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat perlu mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pelajaran untuk melaksanakan pendidikan seksual di sekolah seluruh negara. Hal ini kerana pelaksanaan pendidikan itu perlu disegerakan supaya remaja dapat dibimbing secara terancang dan sempurna, seterusnya membantu mereka lebih memahami isu berkaitan seksualiti dan menjadi benteng kepada mereka dari terbabat dalam kegiatan tidak bermoral seperti pergaulan bebas.

## 5. Perbincangan

Menurut Erikson [11] terdapat 8 tahap psikososial yang terlibat dalam kehidupan manusia iaitu percaya lawan tidak percaya, autonomi lawan kesangsian, inisiatif lawan rasa bersalah, industri lawan rasa rendah diri, identiti lawan kekeliruan peranan, intimasi lawan pengasingan diri, generativiti lawan pemusatan sendiri dan yang terakhir ialah kesepaduan lawan rasa putus asa. Terdapat 5 prinsip antaranya ialah manusia mempunyai keperluan asas yang sama, perkembangan individu bergantung kepada keperluan-keperluan asas, perkembangan manusia menurut tahap-tahap tertentu, setiap tahap mempunyai konflik dan konflik ini mesti diatasi dan akhir sekali ialah kegagalan mengatasi konflik akan mempengaruhi perkembangan pada tahap yang berikutnya.

Teori Erik Erikson boleh dikaitkan dengan masalah pergaulan bebas remaja disekolah. Pada tahap kelima iaitu identiti lawan kekeliruan peranan. Tahap ini merupakan tahap akhir remaja iaitu remaja telah memasuki sekolah menengah. Pada tahap ini, remaja akan cuba untuk mewujudkan identiti diri mereka dan persepsi sendiri terhadap dunia mereka. Tahap ini juga merupakan tahap yang paling penting kerana mereka akan mengalami krisis keremajaan. Sebagai contoh, mereka akan berusaha untuk mencari identiti mereka. Jika mereka gagal mencari personaliti mereka sendiri, masalah pergaulan bebas akan terjadi.

Remaja bebas untuk bergaul jika tiada pengawasan dari ibubapa, guru mahupun masyarakat. Remaja ingin memahami diri sendiri dan cuba untuk membandingkan diri mereka dengan orang lain. Erikson [11] berpendapat, jika remaja dapat melepasi tahap ini, dia akan berjaya untuk mencari identiti dan personaliti dirinya. Usaha remaja untuk mencari identiti dirinya mungkin bertambah sukar kerana terdapat banyak pilihan. Remaja mudah memilih untuk berkawan dengan sesiapa sahaja yang mereka mahu.

Remaja yang memilih untuk bergaul dengan baik akan terselamat dari pergaulan bebas. Manakala remaja yang memilih untuk bergaul dengan rakan yang negatif akan menjadi seorang yang negatif dan bebas. Tanpa adanya limitasi, remaja yang bebas bergaul akan menjadi negatif. Mereka cuba mendapatkan kestabilan diri dalam masyarakat sekiranya gagal mereka akan meragui peranan mereka dalam masyarakat.

Teori seterusnya yang boleh dikaitkan dengan pergaulan bebas antara remaja disekolah ialah teori pembelajaran sosial oleh Albert Bandura. Teori pembelajaran sosial yang dikemukakan oleh Bandura telah memberi penekanan tentang bagaimana perilaku manusia dipengaruhi oleh persekitaran melalui penegasan dan pembelajaran peniruan dan cara berfikir yang kita miliki terhadap sesuatu maklumat dan juga sebaliknya, iaitu bagaimana tingkah laku kita mempengaruhi persekitaran dan menghasilkan penegasan.

Sifat manusia dalam konteks interaksi yang mempunyai kesinambungan antara kognitif, perilaku dan pengaruh lingkungan. Keadaan lingkungan sekitar individu sangat berpengaruh pada pola belajar sosial jenis ini. Contohnya, remaja yang dibesarkan dalam lingkungan keluarga yang bergaul bebas akan cenderung untuk bergaul bebas juga.

Bandura menyatakan bahawa tingkahlaku, lingkungan dan kejadian-kejadian internal pada pelajar yang mempengaruhi persepsi adalah merupakan hubungan yang saling berkaitan. Menurut Bandura lagi, tingkahlaku sering dikaitkan iaitu bebas sehingga boleh mengubah kesan-kesan internal seseorang. Pengakuan sosial yang berbeza mempengaruhi diri individu

Terdapat 4 jenis peniruan menurut Bandura [12] bahawa peniruan yang pertama ialah peniruan secara langsung. Peniruan ini dapat dikaitkan dengan masalah pergaulan bebas remaja disekolah. Peniruan jenis ini ialah melalui pemerhatian. Remaja mencontohi secara langsung sikap pergaulan

bebas individu yang lain. Peniruan yang seterusnya ialah peniruan jenis elitasi. Elitasi merupakan peniruan perilaku orang lain. Seseorang remaja yang mempunyai rakan yang gemar melakukan pergaulan bebas, remaja tersebut akan mudah meniru perilaku negatif tersebut.

Hubungan yang aktif antara individu dapat mengubah aktiviti seseorang. Penguasaan kemahiran dan pengetahuan yang kompleks tidak hanya bergantung pada proses perhatian, motor reproduksi dan motivasi, tetapi juga sangat dipengaruhi oleh unsur-unsur yang berdasarkan dari diri pelajar. Diri pelajar sendiri memainkan peranan yang penting untuk mencorakkan keterampilan dirinya. Remaja yang mempunyai keterampilan akan susah untuk bergaul dengan bebas. Sense of self efficacy adalah keyakinan pembelajar bahawa ia dapat menguasai pengetahuan dan keterampilan sesuai seperti yang berlaku. Bandura [12] menekankan aspek interaksi antara manusia dan persekitarannya. Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi tingkahlaku sosial remaja antaranya ialah perlakuan remaja itu sendiri, persekitaran dan interaksi kognitif. Menurut Bandura [12], latihan pemerhatian atau modelling adalah amat penting dalam pembentukan tingkah laku. Seseorang yang tidak bergaul dengan bebas patut dijadikan model atau teladan oleh remaja.

Teori pembelajaran sosial yang diaplikasikan oleh Bandura [12] merumuskan bahawa perkara utama yang sering dipelajari oleh remaja adalah melalui pemerhatian terhadap tingkahlaku orang lain, khususnya orang yang signifikan dengan mereka. Tingkah laku agresif dipelajari daripada persekitaran sosial seperti interaksi dengan keluarga dan rakan sebaya. Oleh kerana manusia dipengaruhi oleh faktor persekitaran, maka remaja akan memilih salah satu dari pengaruh persekitaran mereka untuk diteladani. Jika tingkahlaku negatif ditunjukkan oleh rakan sebaya, maka remaja akan mudah terikut dengan tingkahlaku tersebut.

Hall [1] berpendapat perkembangan seseorang individu ditentukan oleh naluri iaitu tenaga-tenaga biologi dan faktor genetik dan bukannya persekitaran. Beliau menyatakan zaman remaja sebagai zaman '*storm and stress*' yang bersifat biologikal. Mencapai akil baligh merupakan satu masa apabila emosi menjadi tidak stabil dan terganggu. Remaja akan mudah terikut dan terpengaruh dengan tingkahlaku orang lain.

Hall [1] percaya bahawa hasil daripada tekanan-tekanan dan perubahan tersebut, remaja akhirnya akan menjadi individu yang matang dan bermoral. Untuk sesetengah remaja, tekanan-tekanan dan juga perubahan ini tidak dapat diterima dan remaja ini memerlukan bantuan daripada pihak luar untuk mereka menilai dan menentukan cara bagaimana penerimaan perubahan yang terdapat dalam hidup mereka. Peranan ibubapa, guru dan rakan sebaya amatlah penting untuk membantu mereka menilai sesuatu yang baik atau buruk.

Pihak luar akan bertindak sebagai pemantau dan mengawasi tingkahlaku mereka dan pihak luar ini tidak terbatas dengan hanya ibubapa, rakan sebaya dan masyarakat malahan ia boleh juga terdiri daripada guru, jiran-jiran dan juga pihak berkuasa jika perlu. Ini menunjukkan banyak pihak bertanggungjawab dalam pembentukan sahsiah seseorang remaja. Kerjasama adalah penting supaya remaja kini akan terbentuk dengan lebih baik lagi.

Kajian Sharif et al. [2] menyarankan agar para ibu-bapa, orang dewasa, pendidik dan semua masyarakat perlu mengambil perhatian terhadap perkembangan remaja serta mengikuti perkembangan mereka untuk membantu membimbing mereka daripada terjebak dengan gejala sosial negatif yang akan membentuk remaja yang tidak produktif.

## 6. Kesimpulan

Secara kesimpulannya, golongan dikenali sebagai remaja ini merupakan seseorang yang berada dalam lingkungan umur 12 hingga 21 tahun yang sedang berada di dalam fasa peralihan dimana berlakunya perubahan menuju kematangan. Dipetik juga daripada teori psikososial yang diperkenalkan oleh Erikson [11] yang menyatakan bahawa peringkat manusia yang berada dalam lingkungan umur berkenaan adalah peringkat yang akan menentukan diri seseorang dan peringkat yang paling kritikal. Hal ini dapat dikaitkan juga dengan remaja zaman kini yang sudah tidak sama dengan remaja dahulu. Remaja kini sudah banyak dan sudah terlalu didedahkan dengan perkara-perkara yang tidak baik yang dianggap 'trend' oleh mereka sementalah ia sebenarnya perkara yang tidak patut dilakukan seperti budaya couple, budaya tiktok dan banyak lagi yang sebenarnya mampu membawa remaja ini ke peringkat pergaulan bebas.

Pergaulan bebas sebenarnya merupakan titik permulaan yang akan menyebabkan berlakunya perkara-perkara lain seperti berzina. Statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) yang dipetik daripada blog 'mstar online' menyatakan bahawa bilangan remaja bawah umur 18 tahun

yang melahirkan anak tidak saf taraf atau anak luar nikah adalah sebanyak 4992 kanak-kanak pada tahun 2017. Masalah ini boleh dibendung jika semua pihak termasuk agensi kerajaan atau bukan kerajaan bersama-sama berganding bahu membanteras masalah ini. Pihak utama yang perlu mengesan perkara ini ialah ibu bapa meskipun ibu bapa kini terlalu sibuk mencari nafkah untuk menampung keluarga, mereka perlu memantau kegiatan anakanak dan tahu dengan siapa anak mereka berkawan supaya ia tidak berleluasa.

Selain itu, pihak sekolah juga memainkan peranan penting dalam membanteras masalah atau gejala ini. Pihak sekolah khususnya guru-guru perlu mengesan murid-murid yang dilihat terlalu bebas bergaul dan menasihatkannya. Bukan itu sahaja, pihak sekolah perlu mengetatkan undang-undang sekolah yang berkaitan perkara ini supaya murid-murid tidak terlalu bebas dan tahu batas-batas mereka yang telah ditetapkan dalam agama. Kebanyakan murid yang terlibat adalah murid beragama Islam. Natijahnya, masalah ini berlaku disebabkan orang melayu kini yang sudah hilang perasaan malu dan gembira melakukan perkara-perkara yang tidak baik.

Perkara berkaitan juga ada dinyatakan dalam Al-Quran sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Al-Imran yang bermaksud “dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang ma’ruf dan mencegah daripada yang mungkar, merekalah orang yang beruntung”. Ayat tersebut menjelaskan tentang kepentingan dan peranan seseorang anggota masyarakat melalui konsep saling berpesan antara satu sama lain. Akhir kata, peranan semua pihak amatlah diperlukan agar masalah-masalah seperti ini dapat dibendung dan dihapuskan kerana golongan remaja adalah aset terpenting negara yang akan memacu negara pada masa hadapan. Kejayaan negara pada masa hadapan bergantung kepada kualiti remaja yang menjadi barisan hadapan kepimpinan negara.

## Rujukan

- [1] G. S. Hall, *Adolescence: It's Psychology and its Relations to Physiology, Anthropology, Sociology, Sex, Crime, Religion, and Education*. New York: D. Appleton & Co, 1904.
- [2] Sharif, Zainudin, and N. M. Roslan, “Faktor-faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial di sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka,” *Journal of Education Psychology & Counselling*, vol. 1, pp. 115-140, 2011.
- [3] B. Bettelheim, *Love Is Not Enough*. New York: The Free Press, 1950.
- [4] D. Selvaratnam, N. Aini, and Norlaila, *Warga Emas di Malaysia: ke Arah Kesejahteraan Ekonomi dan Sosial*. Bangi: Penerbit UKM, 2010.
- [5] F. M. Mohammad and M. Z. Ishak, “Gejala Hubungan Seks dalam Kalangan Pelajar: Satu Kajian Kes,” in *Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014*, UMS, Desember. 11, 2014.
- [6] Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KKPM), *Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima*. Putrajaya: KKPM, 2014.
- [7] K. A. Jasmi, *Masalah Seksual dalam Kalangan Remaja dan Penyelesaiannya dalam Remaja Hebat Siri 4: Batasan dan Halangan Kecemerlangan*. Skudai Johor: UTM Press, 2017.
- [8] H. Fauwa, *Seksualiti Remaja: Isu dan Cabaran keluarga di Malaysia. Dalam Seminar Isu-Isu seksualiti Peringkat Kebangsaan 2016*. Dewan Perdana, Kuala Terengganu: Universiti Sultan Mizan Zainal Abidin (UniSZA), March. 19, 2016.
- [9] K. Bartholomew and L. M. Horowitz, “Attachment Styles Among Young Adults: A Test of a Four-Category Model,” *Journal of Personality and Social Psychology*, vol. 61, pp. 226-224, 1991.
- [10] L. S. Vygotsky, *Mind in Society: The Development of Higher Psychological Processes*. Cambridge: Harvard University Press, 1978.
- [11] Erikson and H. Erick, *Identity, Youth, and Crisis*. New York: International University Press, 1968.
- [12] A. Bandura, “Health Promotion from the Perspective of Social Cognitive Theory,” *Psychology and Health*, vol. 13, no. 4, pp. 623-649, 1998.